

21.10.2015

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA menyelaraskan satu program komuniti FELDA iaitu Himpunan Warga FELDA bersempena Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2015, bertempat di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Program ini disertai oleh semua NGO di dalam FELDA termasuklah ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR), Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) dan Kami Anak FELDA (KAF). Program tersebut bertujuan untuk melahirkan rasa cinta dan bersyukur atas nikmat yang diterima oleh warga peneroka seiring kemajuan pembangunan negara. Program itu juga untuk menerapkan ciri-ciri semangat kebersamaan dan kebersatuan di kalangan warga FELDA selaras dengan tema Sambutan Hari Peneroka FELDA 2015.

Keseluruhan peserta warga FELDA yang menyertai program berkenaan dianggarkan seramai 10,000 orang iaitu dari 10 Wilayah

FELDA seluruh negara kecuali Wilayah Sabah. Perbelanjaan bagi program tersebut ditanggung sepenuhnya oleh kewangan badan **JKKR dan GPW Gabungan** dari semua Wilayah yang terlibat berjumlah **RM925,000** bagi pembiayaan kos pengangkutan bas dan makan minum peserta.

Sekian. Terima kasih.